

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [ SEREMBAN ]**

**TARIKH : 26 OGOS 2020 (RABU)**

**SOALAN NO. 2**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah persiapan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dalam mengembalikan tahap penilaian *Federal Aviation Authority* (FAA) Amerika Syarikat terhadap CAAM dari Kategori 2 ke Kategori 1 pada masa terdekat.

**JAWAPAN:**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan melalui satu Pasukan Kerja (*Taskforce*) yang ditubuhkan telah meneliti kesemua 33 dapatan audit yang dibangkitkan oleh FAA dan merumuskan bahawa untuk memulihkan penarafan keselamatan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dari Kategori 2 kepada Kategori 1, tindakan-tindakan penambahbaikan secara proaktif perlu diambil oleh CAAM terutamanya dalam 3 *Critical Element* (CE) yang saling berkait rapat, iaitu CE 4: Kelayakan Dan Latihan Personel Teknikal, CE 6: Tanggungjawab Perlesenan, Pensijilan, Kebenaran Dan Kelulusan serta CE 7: Tanggungjawab Pengawasan.
2. Selanjutnya, daripada 33 dapatan audit tersebut, Pasukan Kerja telah merangka 28 pelan tindakan dan langkah-langkah pembetulan untuk pertimbangan dan pelaksanaan oleh CAAM. Antara langkah pembetulan serta pelan tindakan yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan adalah seperti berikut:
  - (i) memuktamadkan dokumen perundangan baharu, iaitu Polisi Penguatkuasaan, Peraturan-Peraturan Kompaun dan Prosedur Penyiasatan bagi Kesalahan-kesalahan yang Tidak Boleh Dikenakan Kompaun;
  - (ii) membantu CAAM dalam proses pelaksanaan transformasi tadbir urus dan pengurusan dari segi struktur organisasi dan sumber manusia, kewangan serta pendigitalan dan automasi;

- (iii) mengenalpasti dan merancang latihan-latihan kepakaran yang diperlukan oleh inspektor CAAM dengan organisasi atau institusi latihan antarabangsa supaya kelayakan inspektor CAAM dapat dipenuhi selari dengan keperluan audit IASA, FAA; dan
  - (iv) setelah inspektor CAAM memperolehi kelayakan dan kepakaran yang ditetapkan, tugas-tugas pengawasan dan pemberian kelulusan perlu dijalankan dengan teratur.
3. Kerajaan juga sedang dalam proses untuk mendapatkan khidmat nasihat dan sokongan teknikal serta kepakaran luar dari FAA melalui satu Memorandum Perjanjian di antara CAAM dan FAA. Panduan dan sokongan teknikal FAA tersebut akan membantu CAAM melaksanakan langkah pembetulan kepada 33 dapatan audit tersebut secara bersasar dan selari dengan keperluan audit FAA.
4. Setelah tindakan-tindakan pembetulan dilengkapkan oleh CAAM, Pasukan Kerja akan mengaturkan penilaian semula oleh pihak FAA untuk menutup kesemua 33 dapatan audit. Kementerian Pengangkutan mensasarkan tindakan-tindakan pembetulan akan dapat dilaksanakan sepenuhnya pada akhir tahun 2021 bagi membolehkan penarafan CAAM dipulihkan kepada Kategori 1.

Sekian, terima kasih.